

Jawatan Menteri Kewangan

Tawaran Dr. M buktikan keikhlasannya

Oleh JAMALUDIN BAKAR

KUALA LUMPUR, Isnin — Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mustafa Jabar menganggap tawaran Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk jawatan Menteri Kewangan kepada Tengku Razaleigh Hamzah membuktikan keikhlasan dan kejujuran Timbalan Perdana Menteri bagi membendung perpaduan UMNO sendiri.

Dalam satu pertemuan hari ini, beliau menegaskan, tindakan dan sikap Datuk Seri Dr. Mahathir itu patut dipuji dan disanjung kerana ia satu keputusan yang berpandang jauh.

"Saya berharap Tengku Razaleigh akan menerima tawaran tersebut memandangkan ianya merupakan tawaran yang ikhlas dan jujur.

Kedudukan Tengku Razaleigh sebagai Menteri Kewangan menjadi perbuahan hangat bila ada ura-ura Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri mahu memegang portfolio itu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Menepati ikrar

Datuk Mustafa menjelaskan, tawaran itu juga melambangkan Datuk Seri Dr. Mahathir menepati ikrar yang dibuat semasa berucap di Perhimpunan Agung UMNO lalu yang meminta Tengku Razaleigh terus kekal dalam kabinet.

"Tengku Razaleigh sebaliknya hendaklah menerima tawaran tersebut dengan hati yang terbuka demi kepentingan ekonomi orang Melayu dan negara keseluruhannya," tambah beliau.

Beliau berpendapat Tengku Razaleigh sendiri bukan asing di kalangan ahli-ahli UMNO dan juga portfolio yang ditawarkan itu.

"Tengku Razaleigh telah membuktikan selama beliau menjadi Menteri Kewangan sebagai anak Melayu yang berkemampuan dan pintar dalam melaksanakan dasar kewangan negara," jelas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir akan mengumumkan anggota kabinet beliau 20 Julai ini selepas empat hari mengambil alih jawatan Perdana Menteri.

Sementara itu, Pengerusi Tetap UMNO Malaysia, Senator Datuk Suleiman Nizam Shah yang turut mengalu-alukan tawaran Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan keputusan tersebut akan menghidupkan pepecahan UMNO.

Katanya, tindakan Datuk Seri Dr. Mahathir adalah tepat dan merupakan satu perhitungan yang berpandang jauh.

Senator Datuk Sulaiman juga menekankan dengan tawaran tersebut, tidak timbul mana-mana pihak merasa tidak puas hati.

"Ini akan mengukuhkan perpaduan UMNO terutama di Kelantan," tegas beliau.

Bagaimanapun Tengku Razaleigh hari ini tidak dapat ditemui kerana sibuk menghadiri mesyuarat harian Kementerian.

No. Siri ... 12 ...
No. Penerbitan ...